

## UNIT 1.4: Amalan Bersederhana

### JANGAN BOROS BERBELANJA

Orang yang bersederhana merupakan orang yang mudah bersyukur, jujur dan ikhlas dalam melakukan sesuatu. Orang yang mengamalkan sifat bersederhana ini dapat dilihat dari segi pakaiannya yang tidak berlebihan, berbelanja bagi yang perlu sahaja dan merendah diri dalam percakapannya.



Amalan bersederhana ini perlu kita semai sejak kecil lagi. Faedahnya sangat baik dan menguntungkan. Contohnya jika dari kecil kita mulai menabung wang. Suatu hari wang simpanan kita akan bertambah banyak dan berguna bagi keperluan pada masa hadapan.

Kita juga tidak boleh boros dalam berbelanja. Selaku seorang anak kita mesti memahami sejauh mana kemampuan pendapatan keluarga kita. Dengan itu, kita lebih memahami dan bertolak ansur dalam soal berbelanja.

Dalam soal berpakaian dan menghias diri kita janganlah memakai pakaian yang menjolok mata dan kelihatan terlalu berlebihan. Ini menyebabkan kita seorang yang ego, sombong dan suka menunjuk-nunjuk. Dalam hal ini kita perlu juga memikirkan perasaan orang lain yang tidak mampu. Ini sudah tentu dapat mewujudkan kesan iri hati, sedih dan rendah diri.





Isikan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul berdasarkan dari petikan di atas.

kemampuan	berlebihan	berbelanja	boros
	bersyukur	menabung	
rendah diri	bertolak ansur	pakaiannya	menguntungkan

Orang yang bersederhana merupakan orang yang mudah \_\_\_\_\_, jujur dan ikhlas dalam melakukan sesuatu. Orang yang mengamalkan sifat bersederhana ini dapat dilihat dari segi \_\_\_\_\_ yang tidak berlebihan, \_\_\_\_\_ bagi yang perlu sahaja dan \_\_\_\_\_ dalam percakapannya.

Amalan \_\_\_\_\_ ini perlu kita semai sejak kecil lagi. Faedahnya sangat baik dan \_\_\_\_\_. Contohnya jika dari kecil kita mulai menabung wang. Suatu hari wang simpanan kita akan bertambah banyak dan berguna bagi keperluan pada masa hadapan.

Kita juga tidak boleh \_\_\_\_\_ dalam berbelanja. Selaku seorang anak kita mesti memahami sejauh mana \_\_\_\_\_ pendapatan keluarga kita. Dengan itu, kita lebih memahami dan \_\_\_\_\_ dalam soal berbelanja.

Dalam soal berpakaian dan menghias diri kita janganlah memakai pakaian yang menjolok mata dan kelihatan terlalu \_\_\_\_\_. Ini menyebabkan kita seorang yang ego, sombong dan suka menunjuk-nunjuk. Dalam hal ini kita perlu juga memikirkan perasaan orang lain yang tidak mampu. Ini sudah tentu dapat mewujudkan kesan iri hati, sedih dan rendah diri.